

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XIII)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

6. Sila nyatakan nisbah penduduk dan kemudahan yang disediakan di kawasan KADUN Berapit termasuk pasar awam, taman rekreasi dan pusat penjaja.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Sehingga bulan Jun 2018, anggaran penduduk di kawasan KADUN Berapit adalah seramai 35,908 orang. Jumlah ini diperolehi berdasarkan kepada anggaran bilangan bangunan kediaman yang berjumlah 8977 unit dengan empat (4) orang setiap unit. Jumlah sebenar kemudahan awam yang disediakan di kawasan ini adalah sebanyak 43 unit terdiri dari pasar awam, kompleks penjaja, dewan dan lain-lain. Huraian berkaitan dengan nisbah penduduk dan kemudahan termasuk pasar awam, taman rekreasi dan pusat penjaja dan kemudahan yang disediakan di kawasan KADUN Berapit adalah seperti di **Lampiran A**.